

# Majlis Penyerahan Perabot Di Hospital Ampang, Selangor

Khamis, 14 Februari 2013 15:10



**- MALAY VERSION ONLY -**

## UCAPAN

Y.BHG. DR. JALALUDIN HARUN, KETUA PENGARAH  
LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)  
SEMPENA MAJLIS PENYERAHAN PERABOT  
DI HOSPITAL AMPANG, SELANGOR  
PADA 31 DISEMBER 2009

Yang dihormati.....

..... (akan diberitahu kemudian)

Pengarah-pengarah Bahagian Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, Penolong-penolong Pengarah Hospital Ampang, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum w.b.t. , dan Salam sejahtera

1. Terlebih dahulu, saya ingin memanjatkan penuh kesyukuran ke hadrat Illahi, kerana dengan limpah kurnia serta izinNya dapat kita semua berkumpul untuk Majlis Penyerahan Perabot kepada Hospital Ampang bagi mengakhiri tahun 2009. Saya juga ingin mengambil kesempatan merakamkan ucapan ribuan terima kasih kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan sepatah dua kata sempena Majlis yang diadakan ini.

Tuan-tuan dan puan-puan serta Hadirin yang saya hormati sekalian,

2. Industri berasaskan kayu adalah merupakan salah satu daripada industri yang menyumbang kepada pendapatan ekonomi negara. Pada tahun lalu, ia telah menyumbang ke pasaran eksport sebanyak RM22.79 billion manakala pasaran domestik pula adalah sebanyak RM7.6 billion. Industri perkayuan yang banyak bergantung kepada pasaran eksport turut merasa kesan daripada kejatuhan ekonomi dunia yang melanda. Bagi membantu pengusaha-pengusaha menghadapi cabaran kemelut ekonomi global ini, MTIB telah mengambil inisiatif mengadakan kempen meningkatkan kesedaran masyarakat dalam penggunaan kayu tempatan yang mana telah dilancarkan oleh Y. B. Dato' Zainuddin Hamzah, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi pada 11 Ogos 2009 yang lalu. Kempen ini adalah bertujuan antaranya untuk meningkatkan kesedaran pengguna mengenai kayu tempatan bagi melahirkan masyarakat menghargai produk kayu kayan tempatan berbanding luar negara. Kempen ini diperhebatkan lagi dengan pelbagai aktiviti termasuklah memberi penerangan mengenai pelbagai jenis kegunaan kayu di dalam setiap seminar, tea talks, pameran dan demonstrasi kayu-kayan kepada orangramai dan specifiers seperti arkitek, kontraktor dan sebagainya. MTIB juga turut mengiklankan produk kayu di dalam media elektronik dan juga media cetak dengan harapan agar produk kayu kita mendapat tempat di hati masyarakat semua.

3. Pada hari ini saya sangat berbangga kerana buat julung kalinya MTIB menyumbang sebanyak 25 unit kerusi kayu daripada spesies meranti dan empat set sofa eksklusif kepada salah satu institusi kesihatan di negara ini. Saya berharap dengan adanya sumbangan seperti ini akan sedikit sebanyak dapat membantu pesakit dan pengunjung-pengunjung di hospital ini menggunakan kemudahan yang disediakan ini dengan sepenuhnya dan sekali gus juga MTIB dapat mempromosi serta menggalakkan penggunaan kayu tempatan kepada orang .ramai.

Hadirin yang saya hormati,

4. Sebagai agensi pelaksana di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, MTIB telah membantu melaksanakan projek perintis Penanaman Pokok di Sekolah. Dalam hal ini tiga buah sekolah di Johor iaitu, Sekolah Kebangsaan Ulu Dengar, SMK Kahang Timur, Keluang, Johor dan Sek. Kebangsaan Kompleks Sultan Abu Bakar, Gelang Patah, Johor. Projek ini adalah projek kerjasama dengan Kementerian Pendidikan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM), Majlis Kayu Kayan Malaysia (MTC), Jabatan Alam Sekitar dan Persatuan Pencinta Alam. Objektif utamanya adalah untuk memberikan pendidikan asas berhubung spesies kayu hutan tropika yang merupakan sumber bio diversiti dan sumbangan kepada ekonomi negara. Sehubungan dengan ini kerjasama semua pihak amat diperlukan untuk mewujudkan transformasi dalam memperkasakan dasar pendidikan bukan sahaja bijak didalam akademi tetapi tahu menghargai sumber alam.

5. Sungguhpun MTIB bertanggungjawab ke atas industri perkayuan namun tanggungjawab sosial tidak kami abaikan apatah lagi seruan Kerajaan yang menggalakkan agensi untuk turut sama mengambil bahagian dalam menjalankan tugas-tugas membantu masyarakat. Di dalam hal ini, MTIB turut menyumbang beberapa wakaf dan pagola kayu kepada beberapa buah sekolah untuk kegunaan pelajar-pelajar semasa berada di luar kelas. Saya berharap agar sumbangn MTIB ini tidak terhenti di sini sahaja malah berharap agar MTIB akan terus meningkatkan usaha supaya dapat menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat.

6. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan sekali lagi untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Hospital Ampang kerana sudi mengadakan majlis penyerahan perabot pada hari ini yang juga merupakan penutup kepada tirai 2009. Saya amat berbesar hati dengan kerjasama yang telah diberikan bagi merealisasikan program pada hari ini dan berharap jalinan kerjasama ini akan berterusan di masa-masa akan datang.

Dari Ampang ke pekan Kajang  
Membeli ikan di waktu pagi  
Kalau ada umur yang panjang  
Di lain majlis berjumpa lagi

Saya dengan lafaz Bismillahirohmanirohim dengan ini menyerahkan sumbangan MTIB berupa perabot kayu kepada Hospital Ampang dengan rasminya.

Sekian, terima kasih. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum w.b.t